



جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(70)

Tarikh: 27 Muharam 1447H
23 Julai 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	25 Julai 2025 / 29 Muharam 1447
Tajuk	Menghargai Bakti Wira Bangsa – Wira Negara

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Kepada: Imam / Khatib bertugas

Perkara: Program Sijil Pengajian Masjid (SPM) @ Masjid Negeri Perak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah sekalian, di sini ada pengumuman ingin disampaikan iaitu Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) membuka peluang untuk orang ramai mendalami ilmu pengajian agama melalui program ***Sijil Pengajian Masjid (SPM)*** bagi **sesi 2025/2026**. Sijil Pengajian Masjid di Masjid Negeri Perak telah diperkenalkan sejak tahun 2013, dirangka sebagai daya usaha pengajian agama berstruktur, dilengkapi pelbagai mata pelajaran merangkumi Akidah, Tafsir, Hadis, Sirah, Feqah, Tasawuf, Fiqh Aulawiyat dan Aliran Pemikiran Semasa, bertujuan memudahkan orang awam mendapat pendidikan ilmu agama yang lengkap.

Sijil Pengajian Masjid (SPM) bagi sesi baharu kini dibuka seperti maklumat berikut:

Tarikh: bermula 2 Ogos 2025 (Sabtu) sehingga Jun 2026

Tempoh: 24 sesi (setiap sabtu) 8.00 pagi – 1.00 Tengah hari

Tempat: Dewan & Bilik Kuliah Masjid Negeri Perak

Yuran: RM500 seorang / tahun

Tempoh Pengajian: 3 Tahun

Orang ramai dijemput mengikuti seterusnya mendaftar kelas pengajian Sijil Pengajian Masjid di Masjid Negeri Perak. Bagi yang berminat boleh hubungi Pejabat Pentadbiran Masjid Negeri Perak di talian 05-2557964 atau Pegawai Masjid Negeri AF Ustaz Aiman 012-5117262.

Moh kite jadikan masjid rapat di hati – masjid tempat menimba ilmu! Semoga para-Jemaah sekalian dilimpahi rahmat Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENGHARGAI BAKTI WIRA BANGSA – WIRA NEGARA”

25 Julai 2025 / 29 Muharam 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Menjelang sambutan Hari Pahlawan pada 31 Julai, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“MENGHARGAI BAKTI WIRA BANGSA – WIRA NEGARA”

Firman Allah SWT, ayat 95 surah An-Nisa:

﴿لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِّ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحَسَنَ^٤ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾﴾

Bermaksud: Tidaklah sama keadaan orang beriman yang duduk (yang tidak pergi berperang) tanpa keuzuran (halangan) dengan orang yang berjihad (berjuang) di jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan darjat orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya berbanding dengan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



orang yang duduk (tidak pergi berperang tanpa keuzuran) dengan kelebihan satu darjat. Dan, tiap-tiap satu (daripada kedua-dua golongan itu), Allah menjanjikan (pahala) yang baik (syurga) dan Allah melebihkan orang yang berjihad berbanding orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tiada sebarang keuzuran) dengan pahala yang amat besar.

Susulan pengisytiharan tamatnya darurat pada 31 Julai 1960 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerajaan telah mengisytiharkan tarikh 31 Julai, sebagai Hari Pahlawan, bertujuan memperingati dan menghargai jasa dan pengorbanan para anggota pasukan pertahanan dan keselamatan, yang mengabadikan jiwa raga mereka, berkhidmat mempertahankan kedaulatan negara demi kesejahteraan warga.

Darurat diisytiharkan pada 16 Jun 1948, berakhir pada 31 Julai 1960. Tempoh lebih 12 tahun darurat, merakamkan pelbagai pengalaman pahit dan peristiwa duka. Harta benda dimusnahkan, anggota tentera dan polis, tidak kecuali orang awam, ramai yang cedera, malah ramai juga yang terkorban. Anggota tentera dan polis berada di barisan hadapan, memenuhi tanggungjawab fardu kifayah untuk menjamin keselamatan negara dan memastikan ketenteraman awam. Ramai daripada mereka yang cedera semasa bertugas, dan ramai juga yang terkorban, menyebabkan ibu bapa kehilangan anak, isteri menjadi balu dan anak-anak menjadi yatim pada usia yang terlalu muda.

Anggota Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia merupakan wira bangsa – wira negara. Negara kita kekal berdaulat, keamanan negara terus dinikmati, pembangunan negara berjaya diusahakan, dicapai melalui semangat sedia berkorban dan sedia berkhidmat anggota pasukan pertahanan dan keselamatan negara kita, mengabadikan diri kepada nusa dan bangsa, meski kulit dibakar terik matahari, diselimuti dingin malam, mendaki gunung - menuruni lurah, berperahu ke hulu – berakit ke hilir, bertugas siang dan malam mengawal keselamatan negara sama ada di udara, darat, dan perairan, demi memastikan setiap inci bumi merdeka ini dipertahankan kedaulatannya, dan keselamatan setiap rakyat dilindungi sebaik mungkin.



Keselamatan negara terus diwaspadai daripada pelbagai bentuk ancaman merangkumi serangan musuh, kumpulan pengganas, kegiatan jenayah, penyeludupan, pemerdagangan manusia; serta perbuatan-perbuatan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam seperti hasutan, rusuhan dan ketegangan hubungan antara kaum. Ketika majoriti rakyat berada dalam suasana riang gembira, menyambut hari-hari perayaan, wira-bangsa dan wira negara kita, ramai yang menyangkut uniform, bertugas di serata negara, untuk menjamin ketenteraman, mengawal lalu lintas, dan mengawasi perlakuan jenayah demi memastikan masyarakat beroleh kesenangan dan kebahagiaan.

Ayat 95 surah An-Nisa yang khatib bacakan, menunjukkan kelebihan darjat orang-orang yang bersedia memenuhi tanggungjawab berjuang di jalan Allah dengan harta dan jiwa. Berjuang memelihara keamanan, menjamin keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara turut dianggap sebagai jihad. Rasulullah SAW memperakui tugas mengawal keselamatan sebagai tugas mulia di sisi Illahi yang dikurniakan kelebihan selaras dengan sabda Baginda;

رَبَاطُ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ، وَإِنْ مَاتَ جَرَى عَلَيْهِ عَمَلُهُ الَّذِي كَانَ
يَعْمَلُهُ، وَأُجْرِي عَلَيْهِ رِزْقُهُ، وَأَمِنَ الْفِتَانَ

Bermaksud: Menjaga sempadan negara sehari semalam adalah lebih baik daripada berpuasa dan solat malam sebulan penuh. Bila penjaga tersebut meninggal dunia (ketika bertugas), dia akan terus diberikan pahala atas amalan yang biasa dilakukannya sebagaimana dia terus dikurniakan rezeki dan kenyamanan dari segala pengganggu (azab kubur). (Hadis Riwayat Muslim)

Jemaah yang dikurniakan nikmat keamanan

Kemakmuran negara yang dinikmati ketika ini, memungkinkan urusan harian disempurnakan, sama ada bekerja untuk menyara kehidupan, atau menuntut ilmu, begitu jua untuk beribadah, beriadah dan bersiar-siar. Nikmat kemakmuran itu dimungkinkan, kerana khidmat berkesan yang dilaksanakan oleh

anggota tentera – anggota polis, yang memiliki semangat pengorbanan tinggi, menyerahkan jiwa raga mereka untuk berkhidmat kepada nusa dan bangsa, serta menghayati dengan penuh taat – penuh setia, semangat kesetiaan kepada raja dan negara. **Jemaah Rahimakumullah**

Mimbar menyenaraikan saranan-saranan berikut:

Pertama: Tugas anggota pasukan pertahanan dan keselamatan adalah tugas murni menyempurnakan fardu kifayah; insya-Allah dilimpahi ganjaran dunia - ganjaran akhirat.

Kedua: Ummah sewajibnya menghargai khidmat para anggota pertahanan dan keselamatan yang berkorban jiwa raga untuk nusa dan bangsa. Hulurkan sokongan, pertolongan dan bantuan kepada mereka terutama selepas mereka bersara, dan dalam kalangan mereka yang cedera, cacat dan kehilangan anggota; demikian juga dihulurkan bantuan dan sokongan kepada anggota keluarga mereka, terutama para ibu bapa yang kehilangan anak, balu yang kehilangan suami, serta anak-anak yang menjadi yatim.

Ketiga: Mendoakan agar wira bangsa dan wira negara kita dikurniai ketabahan dan kecekalan hati terus berbakti kepada nusa dan bangsa; dan mendoakan agar mereka senantiasa mendapat petunjuk dan perlindungan Ilahi ketika bertugas.

Keempat: Ummah bermurah hati menghulurkan sumbangan dan derma ke Tabung Pahlawan; termasuk dipertimbangkan agar sebahagian daripada kutipan tabung masjid pada hari ini, disumbangkan ke Tabung Pahlawan.

Mimbar menzahirkan penghargaan kepada anggota Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia yang berkorban menabur khidmat bakti kepada nusa dan bangsa. Turut dihargai jasa bakti agensi-agensi sokongan dan pelengkap, membantu tugas-tugas pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam, merangkumi anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), dan unit-unit keselamatan sama ada dalam institusi kerajaan mahu pun badan bukan kerajaan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِثْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin Lindungi keselamatan para anggota tentera dan polis ketika bertugas menunaikan tanggungjawab fardu kifayah; kurniai perlindungan kepada anak, isteri dan keluarga yang mereka tinggalkan ketika menyempurnakan tugas. Limpahi rahmat ihsan Mu ke atas roh mereka yang terkorban ketika bertugas, tempatkan roh-roh mereka dalam kalangan hamba Mu yang syuhada serta dalam syurga Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.